

>>Empangan Bukit Kwong dan Empangan Muda masih mencatatkan takungan pada tahap **kritikal**

HARIAN METRO

# Tunggu sampai Oktober

■ **Kebarangkalian La Nina melanda Malaysia 70 peratus**

Fazurawati Che Lah

fazurawati@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

Peningkatan taburan hujan dijangka berlaku selepas cuaca musim panas dan kering yang dialami negara berakhir September ini.

Peningkatan taburan hujan itu dikaitkan dengan fe-

nomena La Nina yang akan melanda negara pada akhir tahun ini.

Menurut kenyataan media Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau, berdasarkan model iklim antarabangsa, kebarangkalian fenomena La Nina berlaku adalah 70 peratus, tetapi ia hanya dapat diputuskan selepas Oktober ini.

"Ini bermakna sekiranya

fenomena La Nina benar-benar berlaku, kesannya hanya akan mula dirasakan pada penghujung tahun.

"La Nina secara amnya akan meningkatkan taburan hujan terutama di Sabah dan kawasan pantai timur Semenanjung," katanya.

Semasa kejadian La Nina, anomali iaitu perbezaan dari nilai jangka panjang suhu permukaan air laut di kawasan tengah dan timur Lautan Pasifik sekitar Khatulistiwa lebih rendah berbanding semasa El Nino di

mana suhunya lebih tinggi daripada keadaan normal.

La Nina akan meningkatkan kekuatan angin timuran yang bertiup dari arah timur Lautan Pasifik iaitu menolak semakin banyak air permukaan laut yang panas ke arah barat Lautan Pasifik (Asia Tenggara).

Keadaan ini akan menggalakkan proses perolakan udara dan pembentukan awan dan seterusnya membawa hujan lebat di beberapa kawasan Asia Tenggara termasuk Malaysia.

Sementara itu, menurut laman web rasmi Info Kemarau Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), sehingga jam 5 petang semalam, didapati tiada peningkatan stok simpanan air di empangan utama apabila dua empangan masih berada pada baki simpanan kod merah.

Empangan Bukit Kwong, Kelantan dan Empangan Muda, Kedah masih mencatatkan takungan pada tahap kritikal iaitu 11.96 peratus dan 29.54 peratus.

Sementara itu, dua lagi empangan yang mencatat bacaan isipadu air bawah 50 peratus adalah Empangan Pedu, Kedah iaitu sebanyak 36.11 peratus dan Empangan Semenyih, Selangor 42.19 peratus.

Manakala, empat empangan menunjukkan bacaan baki simpanan melebihi 50 peratus iaitu Empangan Padang Saga, Kedah (56.58 peratus), Empangan Klang Gate, Selangor (64.59 peratus) dan Empangan Anak Endau, Pahang (60.25 peratus).

